

PENUTUP

PENUTUP

Pendahuluan

Sepertimana yang telah disebut dalam pendahuluan tesis ini, kajian ini bertujuan untuk meneliti dan mengenal pasti kedudukan wanita dalam undang-undang jenayah Islam sepertimana sepatutnya mengikuti realiti hidup dan masyarakat hari ini.

Ia bertolak dari andaian bahawa tidak semua yang terdapat dalam kitab-kitab fiqh yang ditulis oleh para fuqahā' sejak berkurun-kurun lamanya itu tepat. Ini kerana bukan semua yang tersebut dalam kitab-kitab berkenaan merupakan pengertian atau kesimpulan secara langsung dari naṣ-nas syarak yang terdapat dalam al-Qur'ān atau al-Sunnah. Kebanyakannya adalah merupakan hasil ijtihad para fuqahā' sendiri.

Mengikut sistem perundangan Islam, apa yang bersifat *mugaddas* atau kebenaran yang mutlak dan abadi itu ialah hanyalah wahyu Tuhan semata-mata yang terkandung dalam naṣ-nas al-Qur'ān dan al-Sunnah. Adapun hasil-hasil ijtihad para fuqahā' meskipun ia pada asasnya berdasarkan kepada naṣ syarak, tetapi

kebenarannya tidak mutlak dan tidak abadi. Oleh kerana ah itu di samping prinsip Syari'at yang menjadi asas kepada ijtihad berkenaan, terdapat juga beberapa unsur lain yang mempengaruhi hasil ijtihad tersebut, seperti nilai intelektual mujtahid itu sendiri, keilmuan semasa, keadaan dan persekitaran di mana hukum berkenaan diijtihadkan dan sebagainya.

Oleh yang demikian, dalam mencari hukum yang benar-benar tepat mengikut kehendak syarak, hasil-hasil ijtihad berkenaan perlu didedahkan kepada penilaian semula bagi disesuaikan dengan segala realiti yang baru, baik di bidang intelektual, keilmuan, realiti hidup dan sebagainya. Penilaian semula ini, walau bagimanapun tidak akan menjaskan kredibiliti prinsip Syari'at yang menjadi asas kepada ijtihad berkenaan. Kerana yang dinilai semula itu bukan asas atau prinsip Syari'at itu sendiri, tetapi hasil pertafsirannya yang dibuat berdasarkan kepada realiti ilmu, intelektual dan kenyataan hidup yang sudah jauh berbeza pada hari ini.

Bagi memenuhi objektif tersebut, kajian ini telah meneliti secara terperinci nas-nas syarak yang berhubung dengan kuam wanita sebagai satu unsur dalam sesebuah masyarakat. Ia kemudian diikuti oleh penelitian terhadap pentafsiran para fuqahā' terhadap nas-nas berkenaan dan ijtihad para fuqahā' sendiri

perhubung dengannya, terutama dalam masalah jenayah lan perkara-perkara berkaitan rapat dengannya.

Tumpuan bagi penelitian tersebut ialah untuk mengetahui setakat mana yang dijelaskan sendiri oleh *nas-nas* syarak, baik dalam bentuk hukum yang terperinci atau dalam bentuk prinsip, dan sejauhmana pula yang ditafsir dan diijtihadkan para *fuqahā'*. Agar dengan itu senang ditentukan sejauhmana hukum berkenaan perlu berubah dan apakah ketentuan-ketentuan yang sebenarnya perlu diamalkan pada hari ini.

Intisari

Antara persoalan pokok yang telah dibincangkan ialah kedudukan wanita secara umum dari perspektif Syari'at, sepetimana yang terkandung dalam *nas-nas* al-Qur'an dan al-Sunnah. Ia termasuk perbincangan mengenai konsep wanita itu sendiri sebagai sejenis manusia, status mereka secara tabi'i di samping lelaki, kedudukan mereka dalam aspek beragama dan beramal saleh, dalam aspek ilmu dan intelektual, aspek harta dan pemilikan, aspek sosial dan seterusnya aspek undang-undang dan keadilan secara umum.

Nas-nas syarak yang memperkatakan tentang kedudukan berkenaan jelas menunjukkan penerimaannya terhadap kedudukan wanita sebagai sejenis manusia yang berbeza dari lelaki. Namun perbezaan jenis berkenaan tidak dengan sendirinya menjadikan masing-masing mempunyai kedudukan yang berbeza. Kerana apa yang dimaksudkan oleh Islam di sebalik penerimaan berkenaan hanyalah pengiktirafan terhadap kelainan antara mereka dari segi fizikal dan peranan bersama yang perlu dimainkan dalam usaha melahirkan masyarakat yang murni.

Penolakan Islam terhadap diskriminasi jantina memang jelas sekali dari naṣ-naṣ berkenaan. Penegasan sering dibuat, bahawa lelaki dan wanita sebenarnya saudara kandung yang lahir dari diri yang satu iaitu Ādam 'a.s. Mereka sama-sama berhak mendapat ganjaran dari Allah s.w.t. atas segala amalan baik yang mereka lakukan, sama-sama berhak mempertingkatkan kedudukan masing-masing dalam masyarakat dan mempunyai kedudukan yang sama dari segi undang-undang dan pengadilan.

Pandangan Islam secara keseluruhan inilah yang menjadi asas kepada perbincangan selanjutnya, khususnya mengenai kedudukan wanita dalam undang-undang jenayah Islam. Dalam meneliti kedudukan yang khusus di bidang undang-undang jenayah ini pandangan para fuqahā' telah diambil kira.

Antara masalah pokok yang dianalisis ialah tentang kedudukan wanita sebagai subjek jenayah, hukuman-hukuman yang boleh dikenakan ke atas pesalah wanita dan kedudukan wanita dalam proses peradilan jenayah.

Sebagai para mukallaf yang tertakluk sepenuhnya di bawah kuatkuasa undang-undang Islam, wanita tidak mengalami apa-apa kekurangan untuk dianggap sebagai penjenayah yang perlu menerima segala liabiliti hasil daripada tindak tanduk mereka. Nas-nas syarak begitu jelas dalam masalah ini, begitu juga huraiyan para fuqahā'. Walaupun begitu pun terdapat beberapa pentafsiran yang berdasarkan realiti hidup bahawa wanita tidak layak dianggap sebagai penjenayah dalam jenayah-jenayah yang memerlukan tindakan fizikal yang lasak, seperti perompakan dan pemberontakan bersenjata. Tetapi separtimana telah diuraikan di atas, itu adalah huraiyan fiqh semata-mata dan boleh berubah mengikut perubahan realiti hidup.

Dalam masalah hukuman pun begitu juga. Terdapat nas-nas syarak yang secara umumnya menunjukkan bahawa tidak ada perbezaan yang perlu dibuat antara lelaki dan wanita. Namun terdapat juga pandangan para fuqahā' yang sebaliknya, terutama berdasarkan realiti bahawa wanita mempunyai peranan yang lebih rendah dalam

masyarakat. Bagaimanapun seperti juga dalam masalah penjenayahana, pandangan seperti itu lebih bersifat pandangan fiqh yang boleh berubah dengan berlakunya perubahan masyarakat dan pemikiran.

Kedudukan yang hampir sama juga terdapat dalam masalah proses peradilan. Nas-nas Syariah pada umumnya lebih banyak menunjukkan bahawa wanita pada dasarnya mempunyai kedudukan yang sama dengan lelaki, baik sebagai hakim, pendakwa, saksi dan sebagainya. Tetapi di samping itu terdapat juga nas-nas yang agak jelas menafikan beberapa kedudukan dari kaum wanita. Pada asasnya penafian berkenaan mungkin berbangkit dari sistem masyarakat Islam sendiri yang lebih berhati-hati terhadap peranan wanita dalam masyarakat umum terutama bagi mengelak berlakunya pergaulan bebas yang tidak menguntungkan masyarakat Islam sendiri.

Di samping nas-nas berkenaan terdapat juga huraihan-huraian para fuqahā' yang bersifat negatif terhadap kedudukan wanita dalam beberapa hal yang berkaitan dengan prosedur pengadilan jenayah. Sepertimana dalam masalah-masalah lain di atas, pandangan-pandangan para fuqahā' ini mungkin berubah dengan berlakunya perubahan masyarakat.

Kesimpulan

Antara kesimpulan yang dapat dibuat ialah wanita secara prinsipnya mempunyai kedudukan yang sama dengan lelaki dalam undang-undang jenayah Islam. Namun secara terperinci terdapat beberapa perbezaan yang dianggap perlu bagi menjamin keadilan berjalan dengan baik.

Pada asasnya, perbezaan berkenaan banyak berdasarkan kepada perbezaan fizikal dan psikologi antara dua jenis manusia berkenaan dan perbezaan fungsi yang harus dimainkan oleh masing-masing jenis dalam melahirkan masyarakat yang harmoni dan stabil. Ita bukanlah perbezaan yang bersifat diskriminasi jantina sepetimana yang pernah berlaku pada zaman sebelum Islam dan di dalam sesetengah masyarakat pada hari ini.

Bagaimanapun, perbezaan-perbezaan berkenaan banyak ditimbulkan oleh huraian-huraian dan ijtihad para fuqahā' berbanding dengan yang dapat difahami dari naṣ-nas syarak sendiri. Ini adalah hasil dari keanjalan naṣ-nas syarak sendiri yang membuka jalan kepada berbagai-bagai pentafsiran mengikut nilai semasa yang ada, samada yang bersifat keilmuan dan intelektual atau persekitaran masyarakat di mana hukum-hukum berkenaan dijtihadkan.

Dalam kitab-kitab fiqh, huraian-huraian para fuqahā' tentang persoalan-persoalan yang terdedah kepada ijtihad ini biasanya berbeza. Sebabnya ialah perbezaan para fuqahā' itu sendiri dalam berbagai-bagai aspek diri masing-masing dan persekitaran yang mereka alami. Hal ini membuka peluang kepada setiap generasi untuk membuat penilaian semula terhadap hasil-hasil ijtihad berkenaan bagi disesuaikan dengan zaman dan keadaan yang mereka hadapi. Proses secara umum ialah dengan kembali kepada nas syarak yang asal dan mentafsirkannya semula sesuai dengan nilai ilmu dan intelektual yang ada, juga persekitaran tempatan di mana hasil ijtihad itu akan dilaksanakan.

Suatu hakikat yang harus diterima ialah, meskipun pada asasnya persamaan antara wanita dan lelaki itu bersifat ideal, namun persamaan seratus peratus secara rigid sepertimana yang diperjuangkan di barat sekarang tidak ada dalam undang-undang jenayah Islam. Bagi Islam, perbezaan jenis di antara lelaki dan perempuan itu perlu mempunyai kesan yang tersendiri dalam peraturan hidup. Kerana, kalau tidak, perbezaan jenis itu sendiri seolah-olah tidak diterima iaitu suatu sikap yang tidak berasaskan kepada realiti hidup yang sejati.

Apa yang penting bagi Islam ialah keadilan, iaitu meletakkan sesuatu pada kedudukannya yang sesuai. Meskipun persamaan merupakan asas yang penting kepada keadilan, namun tidaklah pula semua sifat keadilan itu tertakluk kepada adanya persamaan dalam pengertiannya yang rigid.

Cadangan

Bagi mengakhiri penulisan tesis ini, adalah baik dikemukakan beberapa cadangan atau saranan agar penyelidikan tentang kedudukan wanita dalam undang-undang jenayah Islam menemui satu penyelesaian yang sebenar.

Pertama sekali, segala kenyataan yang terdapat mengenai persoalan ini hendaklah dinilai sebagai sebahagian daripada sistem Islam yang menyeluruh. Adalah salah sama sekali melihat kedudukan wanita dalam undang-undang jenayah Islam berdasarkan perspektif barat, misalnya. Kerana segala nilai yang terdapat dalam undang-undang jenayah Islam, juga tentang wanita hanya boleh difahami dengan sebenarnya melalui kacamata Islam sendiri sebagai suatu cara hidup yang tersendiri.

Bagi membantu memperjelaskan objektif pembezaan antara lelaki dan wanita dalam beberapa perkara dalam undang-undang jenayah Islam, kajian psikologi dan psikologi perlu digunakan bagi mempastikan sejauhmana perbezaan sebenar antara lelaki dan wanita, baik dari aspek fizikal, psikologi, intelektual, emosi dan sebagainya. Kerana ada tanda-tanda menunjukkan bahawa perbezaan-perbezaan berkenaan banyak disebabkan oleh perbezaan psikologi antara kedua-dua jenis manusia itu.

Maklumat-maklumat tentang antropologi dan sosiologi juga penting dalam memahami kedudukan wanita dalam undang-undang Islam ini. Kerana banyak pandangan para fuqahā' bukan semata-mata berasaskan kepada pentafsiran *nas* secara literal, tetapi juga berasaskan kepada nilai semasa yang menjadi persekitaran mereka sendiri. Dengan lain perkataan, pentafsiran atau penilaian semula pandangan para fuqahā' berkenaan memerlukan bukan sahaja ilmu yang mendalam tentang pentafsiran *nas* al-Qur'an dan al-Sunnah, tetapi juga maklumat yang cukup tentang nilai-nilai budaya dan masyarakat setempat dan sezaman, dahulu dan sekarang.

Bagi melengkapkan lagi kajian ini, beberapa penyelidikan lain perlu dibuat terutama dari segi praktikal. Antaranya ialah mengenai pemakaian atau

perlaksanaan nilai-nilai berkenaan dalam undang-undang Islam yang terpakai di Malaysia sekarang, iaitulah undang-undang Pentadbiran hukum Islam di negeri-negeri di Malaysia.

Selanjutnya, suatu kajian perbandingan antara Islam dan sistem lain juga perlu dilakukan bagi mengenalpasti pengalaman masing-masing dalam menyelesaikan masalah berkenaan. Hasilnya tentu boleh memperkuuhkan lagi pentafsiran yang ada dalam undang-undang Islam sesuai dengan kedudukannya sebagai undang-undang yang bersifat lengkap atau komprehensif dan sejagat.